

TN50 pastikan M'sia terus maju

► Sebagai kesinambungan Wawasan 2020

UB 15.9.2017

A2

KOTA KINABALU: Transformasi Nasional 2050 (TN50) merupakan kesinambungan Wawasan 2020 yang perlu dilaksanakan bagi memastikan Malaysia terus maju.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Mejari Jeneral Datuk Sri Jamil Khir Baharom berkata TN50 adalah aspirasi

kerajaan dalam mencapai status negara maju kelak.

"Menjelang tahun 2020, kita memerlukan satu milestone yang baharu sebagai matlamat ataupun misi yang perlu dicapai sebagai sebuah status negara maju.

"Ini merupakan usaha kerajaan dalam mengumpulkan maklumat, harapan dan juga impian dalam semua aspek sejarah dengan status yang ingin kita realisasikan 30 tahun selepas Wawasan 2020."

“Ini merupakan usaha kerajaan dalam mengumpulkan maklumat, harapan dan juga impian dalam semua aspek sejarah dengan status yang ingin kita realisasikan 30 tahun selepas Wawasan 2020.”

MEJAR JENERAL DATUK SRI JAMIL KHIR BAHRAM

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

harapan dan juga impian dalam semua aspek sejarah dengan status yang ingin kita realisasikan 30 tahun selepas Wawasan 2020.

"Seperti sebuah cita-cita, kita akan mempunyai satu pandangan mengenai di mana kita akan sambung pelajaran, jurusan apa yang akan diambil, apa kerjaya yang kita akan ceburi dan berapa pendapatan yang akan diperolehi.

"Begitulah juga dengan TN50, kita sedang menetapkan perjalanan dan sasaran kita bukan hanya dari pandangan kerajaan semata tetapi dari masyarakat sendiri," katanya dalam Dialog Perdana Transformasi

Nasional (TN50): Perspektif Islam di Institut Kemahiran Mara Kota Kinabalu, pada Khamis.

Tambah beliau, sebagai sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi, pembangunan agama Islam turut menjadi aspek yang dinilai oleh kerajaan.

"Pembinaan dan kemudahan di tempat ibadah, menaik taraf surau kepada masjid bagi kampung yang mempunyai pertambahan penduduk, elaun bagi guru Kelas Agama dan Fardhu Ain (Kafa), elaun imam masjid dan sebagainya tidak pernah di belakangkan kerajaan.

"Dalam TN50 ini juga,



JAMIL (tengah) menyampaikan pandangannya mengenai TN50 dalam perspektif Islam.

kita mengalui-alukan aspirasi rakyat untuk bersama-sama menyumbang idea membangunkan lagi pentadbiran Islam," jelas

beliau.

Dialog itu dihadiri lebih kurang 1,000 peserta termasuk 800 pelajar termasuk Maktab Rendah Sains Mara (MRSM),

Institut Kemahiran Mara (IKM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) serta kakitangan kerajaan dari pelbagai agensi.